
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

CMM102 – Kenalfahaman Komputer

CMM 111 – Konsep & Kemahiran Teknologi Maklumat

Masa : 1 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM PULUH** soalan di dalam **EMPAT BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab **SEMUA** soalan pada borang OMR.
- Anda **TIDAK** dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari bilik peperiksaan. Selepas tamat peperiksaan, kertas soalan ini akan dipungut bersama-sama dengan borang OMR.

BAHAGIAN A

1. _____ adalah nombor unik yang digunakan untuk mengenal pasti setiap komputer atau peranti yang disambungkan ke internet.
 - (A) IP
 - (B) ISP
 - (C) DNS
 - (D) HTTP

2. Jenis terminal cerdas yang biasanya mempunyai satu jenis storan sekunder, unit sistem tertutup dan tiada slot tambahan dikenali sebagai _____.
 - (A) terminal web
 - (B) terminal rangkaian
 - (C) net PC
 - (D) PC/TV

3. Setiap laman web mempunyai alamat unik yang dikenali sebagai _____.
 - (A) ISP
 - (B) URL
 - (C) DNS
 - (D) HTTP

4. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR berhubung dengan pangkalan (port)?
 - I. Pangkalan IrDa digunakan oleh peranti tanpa wayar.
 - II. Pangkalan SCSI berupaya menghubungkan sehingga 127 peranti.
 - III. Pangkalan Selari dan Bersiri pada PC biasanya digunakan untuk menghubungkan pencetak atau tetikus.
 - IV. Pangkalan 1394 (Fire Wire) direka bentuk khusus untuk peranti-peranti yang memerlukan kadar penghantaran data yang pantas.
 - (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

5. Bahagian "http" yang digariskan pada alamat laman web seperti yang ditunjukkan di bawah dikenali sebagai _____.

http://www.usm.my/bestari.htm

- (A) protokol ✓
 (B) nama domain
 (C) nama pelayan
 (D) URL
6. Kaedah pemprosesan yang membolehkan pemprosesan dilaksanakan dengan cepat dengan mendapatkan arahan baru sebaik sahaja arahan yang terdahulu melalui peringkat pemprosesan berikutnya dinamakan pemprosesan _____.
- (A) bayaan
 (B) pempaipan (pipelining) ✓
 (C) masa sebenar (real time)
 (D) selari (parallel) ✓
7. _____ digunakan khas untuk tujuan membaca tulisan tangan.
- (A) Pembaca kod bar
 (B) Pengecam aksara dakwat magnet
 (C) Pengecam aksara optik
 (D) Pengecam tanda optik ✓
8. Bateri kecil terpasang pada papan ibu untuk memberi kuasa bateri berterusan kepada ingatan _____ supaya kandungannya kekal tidak dipadamkan apabila bekalan kuasa komputer ditutup.
- (A) ROM
 (B) CMOS ✓
 (C) PROM
 (D) Ingatan flash
9. Yang manakah antara yang berikut merupakan pencetak tanpa tekanan?
- I. pencetak terma
 II. pencetak baris
 III. pencetak pancut dakwat
 IV. pencetak format besar
- (A) IV
 (B) I dan IV
 (C) II, III dan IV
 (D) Semua jawapan di atas
 (E) Tiada jawapan yang diberi

10. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Langkah ketiga dalam membangunkan sesebuah sistem berkomputer ialah reka bentuk sistem.
 - II. UXGA ialah piawaian resolusi monitor yang paling terkini dan digunakan khusus untuk reka bentuk kejuruteraan peringkat tinggi dan seni lukis grafik.
 - III. Penyah serpih cakera adalah untuk menyusun semula fail dan storan cakera yang tidak digunakan bagi mengoptimumkan operasi cakera.
 - IV. Semua komputer mempunyai pangkalan data tersendiri dan tidak perlu menggunakan pangkalan data pada hos dalam topologi rangkaian bintang.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
11. Cakera keras yang mempunyai beberapa cakera keras kecil yang diintegrasikan sekali dikenali sebagai _____.
- (A) cakera silinder
 - (B) cakera keras SCSI
 - (C) cakera Peerless
 - (D) cakera RAID
12. Yang manakah antara yang berikut merupakan peranti input yang boleh digunakan oleh pengguna kurang upaya?
- I. input brail
 - II. papan kekunci pada skrin
 - III. penuding lekup kepala (head-mounted pointer)
 - IV. gadkekunci (keyguard)
- (A) IV
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
13. Manakah yang berikut BUKAN merupakan peranti pengimbas?
- (A) mesin faks
 - (B) pendigit
 - (C) pengecam tanda optik
 - (D) pembaca kod bar

14. Yang manakah antara yang berikut mempunyai kaitan dengan pembelajaran dan pengajaran menggunakan komputer?
- I. e-teks
 - II. isian kursus
 - III. edutainment
 - IV. e-pendidikan
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
15. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. 'Shockwave' adalah aplikasi penolong (helpers application) yang merupakan perisian yang boleh dilancarkan dari browser web bagi tujuan membuka fail dokumen berkenaan. ✓
 - II. Gopher digunakan bagi mendapatkan lokasi maklumat yang mana penggunaanya tidak perlu mengetahui dengan terperinci nama fail dan lokasi komputer.
 - III. Usenet adalah satu pungutan berita dan kumpulan diskusi yang boleh dicapai melalui internet. ✓
 - IV. Pemalam (plug in) diperlukan oleh web browser untuk memainkan komponen multimedia pada laman web.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
16. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Sistem berpangkalan pengetahuan dan robotik merupakan dua bidang utama dalam kecerdasan buatan. ✓
 - II. Pencetak multi fungsi menggabungkan beberapa kebolehan seperti mencetak, mengimbas, menyalin, mengfaks dalam satu peranti. ✓
 - III. Seni bina rangkaian memerihalkan cara rangkaian disusun dan cara sumber diselaras dan dikongsi. ✓
 - IV. VRML ialah bahasa pengaturcaraan untuk menghasilkan aplikasi realiti maya.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

17. Yang manakah antara berikut memberi kesan kepada cara data dihantar dari satu titik ke titik yang lain?
- I. lebar jalur ✓
 - II. protokol ✓
 - III. arah penghantaran
 - IV. mod penghantaran ✓
- (A) IV
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
18. Kadar penghantaran data sesaat sebuah pemacu cakera CD-ROM berkelajuan 48X ialah _____.
- (A) 4.80 MB
 - (B) 6.50 MB
 - (C) 150 Kb
 - (D) 7.20 MB
19. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. DVD adalah singkatan kepada "Digital Versatile Disk" yang berupaya menyimpan data sehinggalah 17 GB pada sekeping cakera DVD.
 - II. Ketumpatan cakera ialah bilangan bit yang boleh disimpan dalam satu unit kawasan di atas permukaan cakera.
 - III. CD-RW adalah sejenis cakera CD yang boleh ditulis dan dipadam kandungannya.
 - IV. Proses format akan membahagikan cakera optik kepada kawasan rekod but, jadual peruntukan fail (FAT) direktori asas dan kawasan data.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
20. Kelajuan jam sistem komputer diukur dalam unit _____.
- (A) Nano saat
 - (B) MIP
 - (C) Pico saat
 - (D) Gigahertz ✓

21. Yang manakah antara berikut merupakan media storan kecil yang digunakan pada komputer pegangan tangan atau peranti pegangan tangan lain?
- I. kad PC ✓
 - II. kad pintar ✓
 - III. cakera Zip ✓
 - IV. kad flash ✓
- (A) II
(B) I dan IV
(C) II, III dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi
22. Yang manakah antara yang berikut merupakan sumber ancaman terhadap keselamatan komputer?
- I. Kegagalan teknologi
 - II. Penggodam ✓
 - III. Pengguna luar
 - IV. Penakik
- (A) IV
(B) I dan IV
(C) II, III dan IV
(D) Semua jawapan di atas
(E) Tiada jawapan yang diberi
23. Suatu sistem yang direka bentuk untuk mempersembahkan maklumat ikhtisar dalam bentuk fleksibel, mudah diguna, direka bentuk dalam format grafik untuk esekutif atasan.
- (A) MIS
 - (B) ESS
 - (C) DSS
 - (D) OAS
24. Satu Petabait adalah bersamaan dengan _____.
- (A) 100 TB
 - (B) 1 juta MB ✓
 - (C) 10,000 GB
 - (D) 1 juta GB

25. Dalam sesuatu rangkaian, nod yang berkongsi sumbernya dengan nod-nod yang lain dikenali sebagai komputer _____.
- (A) terminal
 - (B) pelanggan
 - (C) pelayan /
 - (D) kiosk
26. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berkaitan PC Hijau adalah BENAR?
- I. PC Hijau bermatlamat untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik.
 - II. Unit sistem menggunakan mikropemproses penjimat tenaga.
 - III. Paparan yang menggunakan tenaga rendah yang khas dan secara automatik mengurangkan penggunaan tenaga apabila tidak digunakan.
 - IV. Pembuat komputer menghapuskan atau mengurangkan penggunaan bahan kimia yang berbahaya seperti CFC.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
27. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Perisian Asas Input/Output (BIOS) terdiri daripada perisian arahan khusus sistem yang berfungsi untuk memuatkan arahan-arahan spesifik dari ROM ke RAM apabila komputer dihidupkan.
 - II. Ergonomik merujuk kepada kajian berkaitan hubungan fizikal antara manusia dan perkakasan yang digunakan supaya penggunaan komputer selesa, selamat dan mudah digunakan.
 - III. Dalam pemprosesan teragih, kuasa perkomputeran terletak dan dikongsi pada lokasi berbeza yang membenarkan pemprosesan diagihkan kepada komputer di bahagian lain.
 - IV. Satu rangkaian persendirian yang menyambung lebih daripada satu organisasi dinamakan Intranet. ✕
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi.

28. Sistem E-Dagang yang membolehkan pengguna melelong barangan mereka dikenali sebagai sistem _____.
- (A) B2B
 - (B) B2C
 - (C) C2C /
 - (D) B2E
29. Teknologi maklumat (IT) adalah berkaitan dengan
- I. penggunaan berbagai teknologi untuk mengumpul maklumat.
 - II. penggunaan teknologi komputer terkini dalam bidang perniagaan untuk menukar data menjadi maklumat.
 - III. penggunaan teknologi komputer terkini dalam bidang komputer untuk memproses maklumat.
 - III. semua jenis operasi yang menggunakan komputer.
- (A) II
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
30. Ingatan yang membolehkan komputer melaksanakan sesuatu atur cara walaupun ianya tidak mempunyai ruang ingatan utama yang mencukupi dikenali sebagai _____.
- (A) RAM
 - (B) ingatan maya /
 - (C) ROM
 - (D) ingatan cache /
31. _____ adalah perisian yang digunakan dalam rangkaian oleh sekumpulan pengguna yang bekerja dalam satu projek.
- (A) Perisian Bersepadu
 - (B) Perisian Aplikasi
 - (C) Perisian Set
 - (D) Perisian Pelengkap Kelompok
32. Suatu sistem yang direka bentuk untuk menyokong pekerja data terutama dalam pengurusan dokumen, komunikasi dan penjadualan disebut sebagai _____.
- (A) sistem maklumat pengurusan
 - (B) sistem sokongan keputusan
 - (C) sistem pangkalan data
 - (D) sistem pengautomasian pejabat

33. Rangkaian _____ mengandungi beberapa komputer yang dipautkan kepada hos komputer pusat yang mana komputer yang dipautkan itu juga menjadi hos kepada komputer lain yang lebih kecil.
- (A) hierarki ✓
 - (B) gelang
 - (C) bas
 - (D) bintang
34. _____ adalah sejenis program yang memindahkan dirinya sendiri daripada satu komputer kepada komputer yang lain melalui rangkaian dan akan menamakan dirinya sebagai satu fail berlainan dalam cakera komputer sasarannya.
- (A) Virus
 - (B) Worm
 - (C) Trojan horse
 - (D) Antivirus
35. Ralat _____ berlaku apabila peraturan bahasa pengaturcaraan tidak dipatuhi.
- (A) sintak ✓
 - (B) logik
 - (C) jujukan
 - (D) manusia
36. Istilah-istilah berikut adalah antara kebaikan memiliki pangkalan data:
- I. Lewahan data
 - II. Keselamatan
 - III. Integriti data
 - IV. Perkongsian
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
37. Komputer yang mempunyai lebih daripada satu unit pemprosesan pusat dan boleh menjalankan atur cara yang banyak secara serentak dipanggil _____.
- (A) multipengaturcaraan (multiprogramming)
 - (B) persekitaran operasi
 - (C) perkongsian masa
 - (D) multipemprosesan (multiprocessing) ✓

38. Proses pemampatan data dilakukan untuk tujuan
- I. meningkatkan kapasiti muatan sesebuah media storan. /
 - II. mengurangkan saiz fail. /
 - III. menjimatkan masa penghantaran FTP. /
 - IV. membuang unsur/ruang yang membazir daripada fail komputer.()
- (A) III sahaja
 - (B) I & II
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
39. Individu yang terlibat dalam penyediaan dan pembangunan atur cara komputer dikenali sebagai _____.
- (A) jurutera perisian
 - (B) juruanalisis sistem /
 - (C) pengaturcara sistem /
 - (D) pengaturcara komputer
40. Yang manakah antara berikut mempunyai kaitan dengan aspek-aspek keselamatan sistem komputer?
- I. Pengendalian bencana
 - II. Sistem Biometrik /
 - III. Penyulitan mesej /
 - IV. Penghadang (Firewall) /
- (A) II
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
41. Aktiviti-aktiviti yang boleh membantu anda berjaya dalam bidang IT ialah _____.
- I. mencari peluang inovatif
 - II. mengekalkan kecekapan berkomputer
 - III. mengikut perubahan semasa
 - IV. membina kepakaran
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

42. _____ merupakan teknik untuk menggelintar dan meneroka maklumat dan corak yang berkaitan dalam data.
- (A) Penggudangan data
 - (B) Perlombongan data ✓
 - (C) Penggelintaran data
 - (D) Pemprosesan data
43. Fasa _____ dalam kitar hayat pembangunan sistem menumpukan pada menilai dan menentukan keperluan sistem baru.
- (A) kajian ketersauran
 - (B) penyiasatan awalan
 - (C) reka bentuk
 - (D) analisis
44. Sistem perwakilan data yang membolehkan bahasa Arab, Jepun dan China diwakili dalam komputer ialah _____.
- (A) DIGICODE
 - (B) UNICODE
 - (C) ASCII
 - (D) EBCDIC
45. Koridor Raya Multimedia (MSC) meliputi kawasan berikut:
- I. KLIA
 - II. Putrajaya
 - III. Cyberjaya
 - IV. KLCC
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
46. Perisian yang diberikan percuma tetapi meminta pengguna membayar sedikit bayaran sekiranya berpuashati dengan perisian tersebut dinamakan perisian _____.
- (A) freeware ✓
 - (B) shareware ✓
 - (C) postcardware
 - (D) public domain

47. Apakah perkhidmatan Internet yang membenarkan anda memindahkan fail di antara komputer secara jauh melalui Internet?
- (A) Network Neighborhood
 - (B) FTP ✓
 - (C) Listserve
 - (D) Telnet ✓
48. Yang manakah antara kenyataan-kenyataan berikut adalah BENAR?
- I. Atur cara khusus "cookies" merakam maklumat seperti kekerapan anda melawat sesuatu tapak web, apa yang anda buat di tapak berkenaan dan maklumat lain yang anda berikan seperti nombor kad kredit.
 - II. Pengulang (repeaters) menghubungkan segmen-segmen dalam rangkaian dengan meningkatkan keupayaan penghantaran isyarat supaya boleh dihantar lebih jauh.
 - III. Dalam pemprosesan teragih, kuasa pengkomputeran terletak dan dikongsi pada lokasi berbeza yang membenarkan pemprosesan diagihkan kepada komputer di bahagian lain.
 - IV. Bahasa pertanyaan (query language) merupakan bahasa yang mempunyai pernyataan seperti bahasa Inggeris digunakan untuk menentukan data yang ingin diperolehi dari sesebuah pangkalan data.
- (A) II
 - (B) I dan IV
 - (C) II, III dan IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi
49. Yang manakah antara fungsi-fungsi berikut merupakan fungsi yang dilaksanakan oleh sistem pengoperasi?
- I. Merekod statistik
 - II. Komunikasi dengan operator komputer
 - III. Mengurus dan menyelaras sistem storan
 - IV. Mengurus peranti-peranti yang dihubungkan dengan komputer
- (A) II
 - (B) I & IV
 - (C) II, III & IV
 - (D) Semua jawapan di atas
 - (E) Tiada jawapan yang diberi

BAHAGIAN B

Nyatakan sama ada kenyataan di bawah **BENAR** atau **PALSU**. Hitamkan **A** bagi **BENAR** dan **B** bagi **PALSU**.

50. Linux merupakan satu versi alternatif untuk sistem pengoperasi Unix.
51. Teknologi HDTV membolehkan aplikasi TV interaktif dilaksanakan dengan lebih mudah.
52. Papan cerita merupakan alat reka bentuk yang digunakan untuk merekod tujuan keseluruhan logik, aliran dan struktur persembahan multimedia.
53. Perisian pengkompil bahasa merupakan perisian yang boleh dikategorikan sebagai perisian sistem.
54. CASE merupakan proses di mana atur cara disusun mengikut objek; iaitu setiap objek mengandungi data dan operasi pemprosesan yang berkaitan untuk melaksanakan tugas.
55. Jenis khusus kecederaan keterikan berulang yang menyebabkan kerosakan kepada saraf dan tendon dalam tangan dinamakan sindrom terowong pergelangan tangan.
56. Peraturan untuk bertukar-tukar data dalam rangkaian dinamakan topologi.
57. Sistem rangkaian yang menghubungkan bangunan-bangunan pejabat di dalam sebuah bandar raya dikenali sebagai MAN.
58. Sistem Kedudukan Global (GPS) boleh digunakan untuk membantu syarikat pengangkutan menjejak kenderaan mereka dengan tepat semasa ia dalam perjalanan menuju destinasiya.
59. Sistem rangkaian peer-ke-peer menggunakan sebuah komputer berkuasa tinggi untuk menyelaras dan menyediakan perkhidmatan ke semua nod dalam satu rangkaian.
60. Dalam pangkalan data hierarki, data disimpan dalam jadual yang megandungi baris dan lajur.